

PENGURUSAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN)
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

RUMUSAN AUDIT

Pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal (TPSP) adalah kurang memuaskan dari aspek pencapaian output dan keberhasilan. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan antaranya ketidakpatuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) serta kemudahan di tapak pelupusan yang rosak dan tidak berfungsi.

OUTPUT

Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2005 – 2020

5 perancangan pembangunan

Sehingga tahun 2020, hanya **2/5** perancangan pembangunan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan

Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2021 – 2050

Semua TPSP dinaik taraf kepada sanitari tahap 4

Sehingga tahun 2022, hanya **4/10** TPSP adalah jenis sanitari & **3/4** adalah jenis sanitari tahap 4

KEBERHASILAN

➤ Kualiti Alam Sekitar

- ❖ Keputusan ujian sampel kualiti air di TPSP Sungai Ikan **tidak mematuhi** standard yang ditetapkan **kecuali** parameter keperluan oksigen kimia
- ❖ Keputusan ujian sampel kualiti air di TPSP Batu 22 **mematuhi** standard yang ditetapkan **kecuali** parameter pepejal terampai serta minyak dan gris

➤ Maklum Balas Soal Selidik

82.2% responden bersetuju kewujudan TPSP memberi kesan terhadap keselesaan komuniti setempat serta aktiviti pertanian/penternakan & alam sekitar

PENGURUSAN

- ❖ Operasi TPSP Sungai Ikan tidak mengikut SOP sepenuhnya iaitu:
 - ☐ Timbunan tanah secara harian tidak dilaksanakan
 - ☐ Sisa pepejal dibuang di luar sel
 - ☐ Kerosakan pagar tidak dibuat pembaikan
- ❖ Kemudahan di TPSP Sungai Ikan rosak & tidak berfungsi

2
SYOR
AUDIT